Tan Sri Dato' Tan Kok Ping, JP lwn The New Straits Times Press (M) Bhd dan lain-lain dan satu lagi guaman

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — GUAMAN SIVIL NO 22–230 TAHUN 2002 DAN 22–253 TAHUN 2002
GHAZALI CHA H
18 JUNE 2009

Tort — Fitnah — Libel — Pembelaan — Perlindungan bersyarat — Perlindungan untuk pemberita dan akhbar dalam membuat laporan secara bona fide — Pencetakan dan penyiaran laporan akhbar bahawa plaintif sedang disiasat polis mengenai kes pemalsuan dokumen — Sama ada terdapat 'malice' oleh defendan dalam menerbit dan menyiarkan laporan — Sama ada terdapat kepentingan umum dalam penyiaran laporan — Sama ada perlindungan bersyarat terpakai

Tort — Fitnah — Libel dalam akhbar — Pencetakan dan penyiaran laporan akhbar bahawa plaintif sedang disiasat polis mengenai kes pemalsuan dokumen — Sama ada pembaca akhbar akan menganggap plaintif bersalah — Laporan akhbar perlu dibaca secara menyeluruh dan ditafsir maknanya secara biasa — Sama ada defendan perlu menghubungi plaintif sebelum menyiarkan laporan — Sama ada terdapat elemen fitnah

Tuntutan plaintif dalam kedua-dua tindakan ini mengenai pencetakan dan penyiaran oleh defendan pertama atas satu laporan akhbar yang melibatkan plaintif dalam surat khabar *The New Straits Times* pada 5 April 2002 bertajuk 'Magnum Executive Chairman Questioned in Bukit Aman' dan satu laporan akhbar *The Malay Mail* bertajuk 'Magnum Boss Under Probe' ('dua artikel tersebut'). Kandungan laporan ini adalah berkaitan dengan satu siasatan polis yang melibatkan plaintif, pada masa berkenaan, berjawatan pengerusi eksekutif Magnum Corporation Bhd, sebuah syarikat yang tersenarai di BSKL, mengenai sepucuk surat yang dikatakan palsu mengenai perlantikan beliau ke jawatan tersebut ('surat tersebut'). Defendan pertama adalah pemilik dan penerbit akhbar *The New Straits Times* dan *The Malay Mail*. Defendan kedua adalah ketua pengarang kedua-dua akhbar tersebut. Defendan ketiga pula adalah pemberita kedua-dua akhbar itu yang menulis kedua-dua artikel tersebut. Plaintif menuntut bahawa perkataan-perkataan yang disebut di dalam kedua-dua artikel tersebut adalah memfitnah beliau yang mana daripada perkataan-perkataan itu membawa maksud bahawa plaintif telah memalsukan atau menjadi satu pihak bagi memalsukan surat tersebut. Defendan-defendan menafikan artikel tersebut membawa maksud seperti yang dinyatakan oleh plaintif dan defendan-defendan bergantung

kepada pembelaan 'qualified privilege'. Isu-isu yang timbul untuk diputuskan oleh mahkamah adalah: (a) sama ada timbul elemen memfitnah di dalam dua artikel tersebut; dan (b) sama ada defendan-defendan berjaya menimbulkan pembelaan 'qualified privilege' seperti kehendak undang-undang.

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif dengan kos:

(1) Konteks laporan itu hendaklah dibaca secara menyeluruh dan diberikan pentafsiran maknanya secara biasa (ordinary meaning) dan tidak perlu ditafsirkan secara teliti, tambahan pula untuk mentafsirkan secara 'inference' (lihat perenggan 42).

(2) Andaian yang dihujah oleh peguam cara plaintif bahawa pembaca akhbar akan berpendapat bahawa plaintif adalah bersalah di dalam memalsukan atau merupakan salah satu pihak dalam memalsukan surat tersebut adalah jauh daripada kenyataan dan terkeluar daripada konteks sebenarnya daripada apa yang dilaporkan di dalam berita tersebut. Pembaca akhbar tersebut tidak akan membuat tanggapan bahawa plaintif telah didapati bersalah apabila hanya dipanggil untuk membuat siasatan dan merakamkan percakapannya sahaja (lihat perenggan 43–44).

(3) Sumber laporan tersebut telah diperolehi daripada Dato' Maizan bin Shaari, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Bukit Aman, iaitu orang yang berkuasa dan berhak untuk mengeluarkan kenyataan berkaitan dengan siasatan tersebut. Maka, bukanlah tugas defendan-defendan, khususnya defendan ketiga untuk menghubungi plaintif bagi mendapatkan komen beliau berkaitan kebenaran berita itu (lihat perenggan 45).

(4) Pemakaian pembelaan 'qualified privilege' adalah tidak terhad dan tujuan pemakaiannya pula adalah untuk melindungi pemberita-pemberita dan akhbar-akhbar di dalam membuat laporan mereka secara bona fide, kecualilah jika plaintif dapat membuktikan terdapatnya elemen-elemen 'malice' oleh defendan-defendan di dalam menerbit dan menyiarkan berita tersebut terhadapnya (lihat perenggan 47).

(5) Memandangkan Magnum Corporation Bhd sebuah syarikat tersenarai di BSKL (pada masa itu) dan mempunyai ramai pemegang saham, mereka sudah tentu mengikuti perkembangan syarikat ini dengan teliti, kerana mereka mempunyai kepentingan di dalamnya yang harus dijaga dan dilindungi. Tidak terdapat apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa defendan-defendan secara 'malice' telah menyiarkan laporan itu di dalam akhbar-akhbar mereka (lihat perenggan 48–49).

(6) Maka kedua-dua artikel tersebut adalah kebal (immune) daripada apa-apa tindakan undang-undang dan defendan-defendan telah berjaya membuktikan pembelaan 'qualified privilege' mereka terhadap tuntutan plaintif (lihat perenggan 51).

[English summary

The plaintiff's claim in these two actions with regards to the printing and publishing by the first defendant in a newspaper report relating to the plaintiff in *The News Straits Times* newspaper on 5 April 2002 entitled 'Magnum Executive Chairman Questioned in Bukit Aman' and another report in *The Malay Mail* entitled 'Magnum Boss under Probe' (the articles). The contents of the reports were pertaining to a police investigation which involved the plaintiff, at the material time, holding the post of the Executive Chairman of Magnum Corporation Bhd, a company listed in the KLSE, pertaining to a piece of letter alleged to be forged with regards to his appointment to the post ('the letter'). The first defendant was the owner and publisher of *The New Straits Times* and *The Malay Mail*. The second defendant was the chief editor of both newspapers. The third defendant was the reporter of both newspapers who had written the articles. The plaintiff claimed that the words written in the articles had defamed him whereby the words carried the meaning that the plaintiff had forged and was a party to the forgery of the letter. The defendants denied that the articles carried the meaning stated by the plaintiff and the defendants relied on the defence of qualified privilege. The issues that arose for the court's determination were: (a) whether the element of defamation arose in the articles; and (b) whether the defendants were successful in raising the defence of qualified privilege as required by the law.

Held, dismissing the plaintiff's claim with costs:

(1) The context of the report had to be read as a whole and ought to be given an ordinary meaning and should not be interpreted too elaborately, more so to be interpreted by way of inference (see para 42).

(2) The assumption as contended by the plaintiff's solicitors that the readers of the newspapers would think that the plaintiff was guilty of forgery or was a party to the forgery of the letter was far from the truth and was out of the context of what was actually reported in the news. The readers would not make the assumption that the plaintiff was found guilty when he was merely called in for investigation and for the recording of his conversation (see paras 43–44).

(3) The source of the report was from Dato' Maizan bin Shaari, the Chief of the Commercial Crime Investigation Division, Bukit Aman, ie a person who had the power and right to release the statement with regards to the investigation. Thus, it was not the defendants' duty,

especially the third defendant to inform the plaintiff to get his comments pertaining to the truth of the news (see para 45).

(4) The use of the defence of qualified privilege was not limited and the reason for its use was to protect the reporters and the newspapers in their bona fide reporting, unless if the plaintiff could prove that there was element of malice by the defendants in printing and publishing the news against him (see para 47).

(5) Considering that Magnum Corporation Bhd was a company listed in the KLSE (then) and had many shareholders, they would have followed closely the development of the company, as they had interest in it which should have been taken care of and protected. There wasn't any evidence to show that the defendants had published the report in their newpaper with malice (see paras 48–49).

(6) Therefore both articles were immune from any legal consequences and the defendants were successful in proving the defence of qualified privilege against the plaintiff (see para 51).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai libel, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 369–527.

Untuk kes-kes mengenai libel dalam akhbar, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 533–534.

Kes-kes yang dirujuk

Abu Samah bin Omar v Zainal bin Montel [2004] 5 MLJ 377, MT (dirujuk)

Adam v Ward [1917] AC 307, HL (dirujuk)

Arul Chandran v Chew Chin Aik Victor JP [2001] 1 SLR 505, MR (dirujuk)

Halim bin Arsyat v Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Ors [2001] 6 MLJ 353, MT (dirujuk)

Hasnul bin Abdul Hadi v Bulat bin Mohamed & Anor [1978] 1 MLJ 75, MT (dirujuk)

Hoe Tean Sun & Anor v Lim Tee Keng [1999] 3 MLJ 138, MT (dirujuk)

Jameel & Anor v Wall Street Journal Europe SPRL [2006] UKHL 44, HL (dirujuk)

John Lee & Anor v Henry Wong Jan Fook [1981] 1 MLJ 108, MP (dirujuk)

Kian Lup Construction v Hong Kong Bank Malaysia Bhd [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 41, MT (dirujuk)

Lewis v Daily Telegraph Ltd [1964] AC 234, HL (dirujuk)

Loveless v Earl [1999] EMLR 530, MR (dirujuk)

Puneet Kumar v Medical Centre Johore Sdn Bhd [2004] 5 MLJ 573, MT (dirujuk)

Rajagopal v Rajan [1972] 1 MLJ 45, MP (dirujuk)

Reynolds v Times News Papers Ltd & Ors [2001] 2 AC 127, HL (dirujuk)

Skuse v Granada Television Limited [1996] EMLR 278 (dirujuk) A
Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub v Bre Sdn Bhd & Ors [1996] 1 MLJ 393, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk
Akta Fitnah 1957 s 5, Bahagian II, Jadual B

Tan Beng Hong (Tan Beng Hong & Co) bagi pihak plaintif.
JJ Chan (Shearn Delamore & Co) bagi pihak defendan-defendan.

Ghazali Cha H: C

[1] Tuntutan plaintif di dalam kedua-dua tindakan ini adalah mengenai pencetakan dan penyiaran oleh defendan pertama atas satu laporan akhbar yang melibatkan plaintif di dalam surat khabar *The New Straits Times* pada 5 April 2002 bertajuk 'Magnum Executive Chairman Questioned in Bukit Aman' dan satu laporan akhbar *The Malay Mail* bertajuk 'Magnum Boss Under Probe' ('dua artikel tersebut'). D

[2] Kandungan laporan ini adalah berkaitan dengan satu siasatan polis yang melibatkan plaintif, pada masa berkenaan, berjawatan Pengerusi Eksekutif Magnum Corporation Bhd, sebuah syarikat yang tersenarai di BSKL dan ditubuhkan di Malaysia, mengenai sepucuk surat yang dikatakan palsu mengenai perlantikan beliau ke jawatan tersebut di dalam Magnum Corporation Bhd ('surat palsu tersebut'). E F

[3] Defendan pertama, pada masa berkenaan, adalah pemilik dan penerbit akhbar *The New Straits Times* dan *The Malay Mail*, defendan kedua pula pada masa berkaitan, adalah ketua pengarang (chief editor) kepada kedua-dua akhbar tersebut. Dan defendan ketiga pula adalah pada masa berkenaan, seorang pemberita kedua-dua akhbar itu yang menulis kedua-dua artikel tersebut. G

[4] Plaintif menuntut bahawa perkataan-perkataan yang disebut di dalam kedua-dua artikel tersebut adalah memfitnah beliau yang mana daripada perkataan-perkataan itu membawa maksud bahawa plaintif telah memalsukan atau menjadi satu pihak bagi memalsukan sepucuk surat yang mana telah digunakannya bagi mendapat perlantikan beliau ke jawatan pengerusi kepada Magnum Corporation Bhd. Dengan itu plaintif berhak untuk mendapat ganti rugi di atasnya. H I

[5] Pembelaan defendan-defendan pula adalah seperti disebutkan dalam pernyataan pembelaan masing-masing, menafikan artikel tersebut telah

membawa maksud seperti yang dinyatakan oleh plaintif, dan defendan-defendan bergantung kepada satu pembelaan 'qualified privilege'.

[6] Melalui ikatan dokumen bertanda 'C' iaitu fakta-fakta yang dipersetujui, fakta-fakta berikut telah dipersetujui iaitu; (selain daripada fakta-fakta yang tersebut di atas):

(a) Perenggan 11; pada 5 April 2002 defendan pertama di dalam Suit No 22–23 of 2002 telah mencetak dan menerbitkan kepada umum (printed and published) berkenaan dengan plaintif seperti berikut:

> Magnum executive Chairman questioned in Bukit Aman.
>
> The executive chairman of Magnum Corp Berhad Tan Sri Tan Kok Ping was quizzed for three hours by the police today in connection with a forged letter which he allegedly used to attain his position in the company.
>
> Tan 55, appointed to his present position in November last year, arrived at the Federal Police Commercial Crimes Department at 10 am, and had his statements recorded by Team B head Superintendent A. Thaiveegan.
>
> It was learnt that some directors of the seven-member Magnum Corp Board disputed the authenticity of Tan's appointment letter, which prompted them to lodge a police report early this year.
>
> 'Some of the board directors felt that Tan could have purportedly used a forged letter in order to get his position,' said one source.
>
> It was also learnt that the police have not ruled out the possibility that one or a few parties could be allegedly involved in forging the letter.
>
> The case was subsequently referred to the Commercial Crimes Department and they have started investigations into the case. Federal Police Commercial Crimes Director Datuk Maizan Shaari, when contacted, confirmed that Tan was called for questioning.
>
> 'It is part of our investigations. We just want to find out what he knows about the letter', he said. He said that the departments have classified the case as cheating and forgery.

(b) Perenggan 12; perkataan-perkataan yang dicetak di atas disertai dengan sekeping gambar plaintif dengan perkataan 'Tan ... Statement recorded'.

(c) Perenggan 13; pada 5 April 2002 defendan pertama di dalam Suit No 22–252 of 2002 mencetak dan menerbitkan kepada umum berkenaan plaintif seperti berikut:

> MAGNUM BOSS UNDER PROBE
>
> Police quiz Tan Kok Ping on alleged forged, appointment letter The Federal Police Commercial Crime Division has begun its probe into an executive of a gaming company in connection with an appointment letter he was alleged to have forged.

> The investigation began after several of Magnum Corp Berhad Director lodge a police report against its executive director, Tan Kok Ping, claiming that his appointment letter was forged. The Report was lodged early this year.
>
> Yesterday, Tan was quizzed by Commercial Crime Team B head Superintendent A. Thaivegan at its office in Jalan Dato' Onn about 10 am. He left about three hours later after his statement was recorded.

[7] Isu-isu untuk dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah adalah seperti mana digariskan di lampiran 'D', 'Statement of Issues To Be Tried' yang menggariskan seperti berikut:

(a) Sama ada defendan secara salah dan berniat jahat mencetak dan menerbitkan kepada umum artikel-artikel tersebut yang merujuk kepada plaintif seperti yang tersiar di dalam surat khabar *The New Straits Times* dan *The Malay Mail* bertarikh 5 April 2002.

(b) Sama ada perkataan-perkataan memfitnah (impugned words) itu pada makna biasa bermaksud dan boleh difaham sebagai bermaksud bahawa plaintif telah memalsukan atau menjadi satu pihak di dalam memalsukan sepucuk surat yang digunapakai bagi mendapatkan perlantikannya ke jawatan pengerusi kepada Magnum Corporation Bhd.

(c) Sama ada artikel memfitnah tersebut (impugned articles) telah dikeluarkan di dalam satu keadaan di bawah satu 'qualified privilege'.

[8] Melalui pembelaan defendan-defendan, defendan-defendan tidak menafikan ada menerbitkan kedua-dua laporan akhbar tersebut melalui akhbar *The New Straits Times* dan *The Malay Mail* pada 5 April 2002, bagaimanapun defendan-defendan menafikan bahawa mereka telah dengan palsunya dan berniat jahat mencetak dan menerbitkan laporan tersebut berkenaan dengan plaintif.

[9] Defendan-defendan juga menafikan bahawa perkataan-perkataan tersebut di dalam makna semulajadinya dan kebiasaannya bermaksud dan difahami bermakna bahawa plaintif telah memalsukan atau terlibat di dalam perbuatan memalsukan atau terlibat di dalam pemalsuan sepucuk surat yang digunakan untuk memperolehi perlantikan beliau sebagai pengerusi Magnum Corporation Bhd.

[10] Akan tetapi menurut defendan-defendan lagi laporan akhbar tersebut secara keseluruhannya terdiri daripada dan/atau merupakan satu laporan

mengenai perkara *kepentingan awam* bahawa penerbitan dibuat dan oleh itu, laporan tersebut telah diterbitkan di dalam perlindungan yang bersyarat (qualified privilege).

[11] Melalui butiran-butiran yang diperturunkan oleh defendan-defendan antara lainnya:

(a) Memandangkan Magnum Corporation Bhd sebuah syarikat yang tersenarai di BSKL dan plaintif adalah pengerusinya dan juga seorang tokoh korporat yang penting yang menduduki beberapa jawatankuasa pengarah-pengarah syarikat-syarikat awam yang disenaraikan.

(b) Bahawa kelakuan plaintif berkenaan dengan urusan Magnum Corporation Bhd, adalah satu kepentingan awam, lebih-lebih lagi melibatkan satu laporan polis telah dibuat berkenaan dengan pembuktian beliau itu.

(c) Bahawa laporan polis itu berkaitan dengan kesalahan satu surat mengenai perlantikan plaintif itu oleh pengarah Magnum Corp Bhd, dan penyiasatan polis bermula ditambah dengan kehadiran plaintif di Bahagian Jenayah Komersial Polis Persekutuan, Kuala Lumpur untuk merakamkan percakapannya.

(d) Pihak polis ada membuat penyiasatan ke atas surat tersebut mengenai perlantikan plaintif itu berikutan beberapa penyiasatan polis terhadap beberapa personaliti berprofil tinggi yang terlibat.

(e) Maka defendan-defendan mendakwa bahawa penerbitan laporan tersebut mengenai penyiasatan polis itu adalah dilindungi kerana defendan mempunyai kewajipan ataupun kepentingan di dalam menulis dan menerbitkan laporan tersebut dan bahawa orang awam mempunyai kewajipan atau kepentingan yang sepadan di dalam menerima dan membaca laporan itu.

[12] Di dalam jawapannya pula plaintif menyatakan pembelaan 'qualified privilege' itu tidak mendedahkan satu pembelaan yang munasabah, dan ia adalah satu pembelaan yang remeh, menyusahkan dan adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah dan sepatutnya dibatalkan; kerana sebenarnya defendan-defendan adalah berniat jahat di dalam menerbitkan dan menyiarkan perkataan-perkataan yang diadukan itu.

[13] Mengenai butiran-butiran yang dinyatakan oleh defendan-defendan pula plaintif telah menjawab seperti berikut:

(a) Sememangnya di dalam pengetahuan defendan-defendan bahawa plaintif adalah, pada tarikh penyiaran itu, seorang ahli korporat terkenal. Dengan penyiaran laporan itu menyebabkan kerosakan dan

menjejaskan reputasi plaintif maka satu penjagaan yang wajar (considerable care) adalah dikehendaki sebelum penyiaran perkataan-perkataan seperti itu dibuat di dalam surat khabar mereka yang merupakan akhbar yang berpengaruh dan dibaca dengan meluas.

(b) Sebagaimana yang jelas melalui pembelaan defendan kedua, defendan kedua tidak mempunyai asas-asas untuk menuduh plaintif memalsukan atau sebagai satu pihak kepada pemalsuan dokumen itu. Adalah diandaikan bahawa defendan-defendan telah sedia tahu berkenaan ini pada tarikh penyiaran dibuat namun begitu tiada percubaan dibuat oleh defendan-defendan untuk menghubungi plaintif yang dalam kedudukan terbaik untuk menolak pertuduhan sedemikian.

(c) Sebagaimana ternyata di dalam perkataan-perkataan yang diadukan oleh defendan-defendan telah bergantung sebagai sumber maklumat terhadap individu yang defendan-defendan telah tidak bersedia untuk memperkenalkan atas alasan yang hanya diketahui oleh mereka, dan mereka-mereka ini juga tidak mahu mendedahkan diri mereka sebenar. Maka satu inferensi yang boleh dibuat ialah dengan mendedahkan sumber-sumber itu boleh menyedarkan para pembaca kepada kepalsuan penyataan-penyataan yang dibuat terhadap plaintif, atau, sekurang-kurangnya, membuat pembaca-pembaca lebih berhati-hati meneliti penyataan-penyataan itu.

(d) Secara semulajadinya penyataan-penyataan itu dengan jelas berniat untuk memberi maksud bahawa hasil daripada siasatan polis telah berlaku dan bahawa plaintif adalah bersalah.

[14] Seterusnya plaintif menegaskan bahawa setiap seorang dari defendan-defendan yang menyiarkan perkataan-perkataan yang diadukan itu dengan menyatakan bahawa ianya adalah salah atau secara cuai, tidak mempedulikan bahawa ianya adalah benar atau salah dan/atau dengan motif utama untuk menjejaskan reputasi plaintif, tanpa mengambilkira kebenarannya.

[15] Memandangkan bahawa defendan-defendan hanya bergantung kepada 'qualified privilege', maka saya akan membincangkan pembelaan ini dan dalam keadaan manakah ia terpakai.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'qualified privilege' dan dalam keadaan manakah ia boleh diterimapakai?

(i) Pembelaan 'qualified privilege' adalah satu pembelaan yang dibenarkan kepada seseorang untuk membuat apa-apa kenyataan yang bersifat fitnah dan tiada kebenarannya mengenai seseorang yang lain tanpa apa-apa liabiliti di sisi undang-undang dan dalam keadaan ini beliau dilindungi oleh suatu 'privilege'.

Kes-kes berikut adalah sebagai rujukan:

(A) *Hasnul bin Abdul Hadi v Bulat bin Mohamed & Anor* [1978] 1 MLJ 75.

(B) *Halim bin Arsyat v Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Ors* [2001] 6 MLJ 353.

(ii) Bagaimanapun pembelaan itu tidak akan berkesan dalam keadaan di mana jika plaintif dapat menunjukkan bahawa defendan telah bertindak secara 'express malice' ketika mencetak perkataan-perkataan itu. Kes-kes berikut dengan ini dirujuk:

(A) *Rajagopal v Rajan* [1972] 1 MLJ 45.

(B) *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub v Bre Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393.

(C) *Hoe Tean Sun & Anor v Lim Tee Keng* [1999] 3 MLJ 138.

(iii) Walaupun penentuan sama ada wujudnya 'malice' itu dibuat oleh hakim perbicaraan akan tetapi beban untuk membuktikan 'malice' tersebut adalah terletak di atas bahu plaintif untuk membuktikannya tanpa gagal.
Kes-kes berikut adalah dirujuk:

(A) *Hoe Tean Sun & Anor v Lim Tee Keng*.

(B) *Abu Samah bin Omar v Zainal bin Montel* [2004] 5 MLJ 377.

(iv) Dalam keadaan-keadaan berikut sesuatu kenyataan memfitnah adalah dilindungi di bawah pembelaan 'qualified privilege' iaitu:

(A) Apabila kenyataan itu berkenaan dengan persoalan undang-undang.

(B) Tugas-tugas sosial atau moral.

(C) Bertujuan untuk melindungi hak atau kepentingan-kepentingan yang sah sipembuatnya.

(D) Kepada orang-orang yang mempunyai tugas atau kepentingan untuk menerima kenyataan bersifat memfitnah itu. Rujuk kes-kes berikut:

(I) *Arul Chandran v Chew Chin Aik Victor JP* [2001] 1 SLR 505.

(II) *John Lee & Anor v Henry Wong Jan Fook* [1981] 1 MLJ 108.

(III)*Puneet Kumar v Medical Centre Johore Sdn Bhd* [2004] 5 MLJ 573.

(v) Maka di sini wujud dua kategori 'privilege' iaitu:

(A) Kenyataan-kenyataan yang dibuat di antara pihak-pihak yang mempunyai kepentingan yang sama ke atas perkara subjek mengenai komunikasi berkenaan ('kepentingan bersama').

(B) Kenyataan-kenyataan yang dibuat berkaitan dengan tugas di sisi undang-undang, tugas sosial dan tugas moral ('tugas di sisi undang-undang, tugas sosial atau moral').

(I) Kes: *John Lee & Anor v Henry Wong Jan Fook* [1981] 1 MLJ 108 (MP):

> where a statement made by a personal having a legal duty to make it and the recipient has a corresponding interest or duty to receive it, such communication is privileged.

(II) Rujuk juga kes: *Adam v Ward* [1917] AC 307.

(vi) Maka adalah tugas defendan bagi membuktikan 'qualified privilege' sebagai suatu pembelaan yang berkesan, rujuk kes *Kian Lup Construction v HongKong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 41:

> It is a question of law as to whether an occasion is a privileged, as the plea is raised in defence. The question whether the occasion on which the statement was made was a privileged one is a question for the judge and the defendant bears the burden of establishing the facts and circumstances necessary to create the privilege. If the judge rules that the occasion is privileged, then the plaintiff must, in order to succeed in the action, prove that the defendant was not using the occasion honestly for the purpose for which the law gave it to him, but was actuated by malice.

[16] Berdasarkan kepada panduan di atas maka adalah penting dilihat sama ada plaintif telah berjaya menunjukkan bahawa defendan-defendan dalam mencetak dan menyiarkan kenyataan yang diadukan itu bersifat 'express malice'. Saya merujuk kepada kes *Hoe Thean Sun & Anor v Lim Tee Keng* [1999] 3 MLJ 138, telah diputuskan berikut:

(i) When words are published which are both false and defamatory the law presumes malice on the part of the person who publishes them. However, when the publication takes place under circumstances which create qualified privilege, the presumption of malice is rebutted by privilege and the plaintiff has to prove express or actual malice on the part of the person responsible for the publication to defeat the privilege.

(ii) The onus lies on the plaintiff to prove malice and not the defendant to prove his bona fide or absence of malice. When the occasion is privileged, the bona fide of the dependent is always presumed. In the present case, there was no doubt that in law the defendant published the defamatory statements on a privileged occasion.

It was therefore to be assumed that he published it honestly believing his statements to be true *unless there was some evidence to the contrary*.

[17] Beban pembuktian menurut kes di atas adalah ke atas plaintif untuk membuktikan bahawa defendan-defendan menyiarkan laporan akhbar itu bersifat 'express or actual malice'. Melalui fakta-fakta kes ini adalah tidak dipertikaikan bahawa pada masa penyiaran kedua-dua artikel itu, penyiasatan polis masih di peringkat awal dan pihak polis pun belum mengeluarkan kenyataan rasmi mengenainya untuk pengetahuan umum, tetapi defendan-defendan khususnya defendan ketiga langsung tidak mencuba untuk menghubungi plaintif untuk penjelasan terhadap dakwaan itu yang mengatakan bahawa plaintif telah menggunakan surat palsu untuk mendapat kedudukannya itu dalam Magnum Corporation Bhd.

[18] Akan tetapi defendan berpendapat oleh kerana sumber laporan itu diperolehi daripada Dato' Maizan Shaari, Pengarah Jenayah Perdagangan Bukit Aman, pada masa itu, yang mengatakan satu laporan polis telah dibuat dan plaintif sedang disiasat, maka tidak perlu lagi bagi mereka untuk menghubungi plaintif untuk penjelasan.

[19] Peguam cara plaintif berhujah bahawa defendan-defendan tiada alasan untuk menuduh plaintif telah memalsukan atau menjadi pihak yang memalsukan dokumen itu, defendan-defendan juga hanya bergantung kepada sumber-sumber yang tidak diketahui untuk membuat kenyataan bahawa pihak polis telah mengkelaskan kejadian itu sebagai 'cheating and forgery'.

[20] Adalah keterangan pihak defendan sendiri melalui DW1 ASP Chuah Yong Huat (DW1) yang menunjukkan bahawa beliau sendiri tidak tahu daripada sumber mana laporan itu dipetik sama ada daripada pihak polis atau pun daripada ahli-ahli lembaga pengarah yang tidak berpuas hati. Dalam keadaan ini keterangan yang terbaik hanyalah daripada Dato' Maizan sendiri, bagaimanapun beliau tidak dipanggil menjadi saksi.

[21] Manakala defendan ketiga (DW2) telah mengelak daripada menjawab soalan atas isu ini apabila diajukan kepadanya atas alasan yang hanya diketahui oleh beliau sendiri.

[22] Peguam cara plaintif berhujah kemungkinan bahawa Dato' Maizan yang bermulut celupar itu telah bertindak melampaui tugasnya dengan mengeluarkan kenyataan yang sulit kepada wartawan mengenai plaintif. Maka menurut peguam cara plaintif, andaian bolehlah dibuat bahawa wartawan ini telah mendapat maklumat daripada ahli-ahli lembaga pengarah yang tidak berpuas hati itu seterusnya telah berjumpa dengan pihak polis untuk mendapat komen mereka seterusnya menyiarkan berita di dalam akhbar bahawa apa yang menjadi isu adalah bersalah bukannya disyaki sahaja.

[23] Peguam cara plaintif seterusnya merujuk kepada keterangan DW2 yang berbunyi berikut:

> Q: What did you intent to reveal to the public?
>
> A: As a journalist my role is to reveal to the public in the police investigation of misconduct. To convey to the public to know what was happened in the police investigation ... I verify the information from Dato' Maizan Shaari, confirmed that police report has been lodged and regarding the appointment, a police investigation had taken place, statement had been recorded at the time of police investigation in this particular case there was already a series of cases i.e. high profile cases.

[24] Peguam cara plaintif berhujah bahawa cara defendan ketiga membuat laporan ini adalah cuai tanpa mengambilkira kebenaran berita yang dibuatnya, dengan alasan semata-mata atas serta siasatan polis sedang dijalankan. Cara begini menurut beliau, akan membuatkan pembaca percaya bahawa plaintif adalah seorang pesalah bukannya orang yang disiasat atau disyaki lagi.

[25] Di dalam hal ini, apa yang penting dilihat adalah bahawa pendekatan mahkamah adalah untuk memberikan satu makna biasa bagi setiap patah perkataan yang disebutkan di dalam artikel memfitnah itu; dan ujiannya adalah pembaca biasa yang munasabah yang akan membaca akhbar defendan pertama itu. Saya merujuk kepada kes *Lewis v Daily Telegraph Ltd* [1964] AC 234, yang dirujuk oleh peguam cara plaintif yang mengatakan berikut:

> ... One always get back to the fundamental question: what is the meaning that the words convey to the ordinary man: you cannot make a rule about that. They can convey a meaning of suspicion short of guilt; but loose talk about suspicion can very easily convey the impression that it is a suspicion that is well founded.

[26] Oleh itu sama ada artikel yang dikatakan memfitnah itu telah memberi satu tanggapan bahawa plaintif telah bersalah seperti dilaporkan itu? Maka peguam cara plaintif mendakwa kegagalan untuk mendapat penjelasan daripada plaintif sendiri sebelum penyiaran berita itu dibuat adalah satu sifat yang 'malice' oleh pihak defendan.

[27] Encik Tan Beng Hong peguam cara plaintif seterusnya berhujah bahawa pembelaan 'qualified privilege' tidak terpakai di dalam kes ini memandangkan perkara-perkara berikut:

(a) Dakwaan-dakwaan terhadap plaintif adalah terlalu serius, dan masyarakat telah disalahertikan dengan laporan itu yang secara nyata adalah tidak benar.

(b) Sumber-sumber maklumat itu, bukan sahaja daripada pihak berkuasa tetapi daripada musuh-musuh plaintif yang cuba menjatuhkan plaintif.

(c) Tahap maklumat itu sendiri yang masih di awal siasatan dan belum ada apa-apa hasil terbit daripada siasatan itu.

(d) Defendan juga tidak menghubungi plaintif untuk mendapat komen beliau sebelum artikel itu disiarkan dan tiada apa-apa laporan mengenai kehilangan atau salah laku terjadi kepada saham-saham syarikat yang memalsukan pemegang-pemegang saham diberikan satu keyakinan.

(e) Moral kepada laporan atau artikel itu hanyalah bersifat tuduhan liar berasaskan kepada dengar cakap atau 'hearsay'.

[28] Beliau merujuk kepada kes *Jameel & Anor v Wall Street Journal Europe SPRL* [2006] UKHL 44, di mana isu yang diputuskan di dalam kes itu ialah sama ada akhbar adalah berhak untuk membela penyiaran mereka bagi maksud kepentingan awam sepertimana diketengahkan melalui kes *Reynolds v Times News Papers* [2001] 2 AC 127 yang menyebut seperti berikut:

> In applying the *Reynolds* defence the first question was whether the subject matter of the article, considered as a whole, was a matter of public interest ... If the publication was in the public interest, the duty and interest were taken to exist. The next question, if the article as a whole concerned a matter of public interest, was whether the inclusion of the defamatory statement was justifiable. ... If the publication, including the defamatory statement, passed the public test, the inquiry shifted to whether the steps taken to gather and publish the information were responsible and fair. The question in each case was whether the defendant had behaved fairly and responsibly in gathering and publishing the information. The standard of conduct required of the news paper had to be applied in a practical and flexible manner having regard to practical realities.

[29] Oleh itu plaintif berhujah bahawa artikel tersebut bukanlah satu perkara kepentingan awam berasaskan kepada berikut:

(a) Siasatan polis baru lagi bermula pada masa artikel itu disiarkan.

(b) Pihak polis belum lagi membuat apa-apa kenyataan berkaitan dengan siasatan itu.

(c) Tiada apa-apa kehilangan atau kekurangan kepada saham syarikat dan tiada apa-apa tekanan yang dibuat oleh pemegang-pemegang saham atau pun orang awam untuk keyakinan semula.

(d) Tiada apa-apa yang perlu diketahui oleh orang awam kecuali pembaca-pembaca yang 'avid' untuk mengetahui skandal.

[30] Keduanya plaintif berpendapat dakwaan itu adalah serius dan menjatuhkan reputasi plaintif; dan defendan pula tiada apa-apa alasan untuk menuduh plaintif memalsukan dokumen itu maka defendan-defendan tidak berhak untuk menyiarkan berita tersebut untuk bacaan awam; ia menurut plaintif adalah tidak adil dan wajar.

[31] Ketiganya plaintif mendakwa, cara mendapatkan berita itu juga adalah tidak adil dan tidak bertanggungjawab sepertimana keterangan DW1.

[32] Maka beliau berhujah berasaskan kepada hujahan-hujahan itu tuntutan plaintif hendaklah dibenarkan.

[33] Jawapan daripada Encik JJ Chan bagi pihak defendan-defendan ialah perkataan-perkataan yang dimaksudkan melalui artikel tersebut tidak memberi makna bahawa plaintif bersalah memalsukan atau satu pihak yang memalsukan surat perlantikan beliau sebagai pengerusi Magnum Corporation Bhd, sebaliknya hanya bermaksud bahawa satu siasatan polis telah dibuat atas laporan pemalsuan itu sahaja. Artikel itu, menurutnya, hendaklah dibacakan secara keseluruhan konteksnya.

[34] Mengenai pembelaan 'qualified privilege', beliau berhujah bahawa laporan mengenai artikel itu adalah selari dengan peruntukan s 5, Bahagian II, Jadual kepada Akta Fitnah 1957; kerana ia diberikan oleh Dato' Maizan Shaari, Pengarah Jenayah Perdagangan, PDRM. Lagi pun laporan merupakan laporan untuk kepentingan awam.

[35] Tegasnya lagi selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk menyampaikan kepada orang awam bahawa tiada sesiapa yang akan terlepas daripada undang-undang, walaupun ia seorang berpersonaliti tinggi seperti di dalam kes ini, sekiranya melibatkan salah laku, ia tetap akan disiasat oleh polis.

[36] Oleh kerana artikel itu bukanlah satu kenyataan yang jelas, maka menurut beliau, ia hanya membawa makna tersirat bahawa plaintif bersalah memalsukan dokumen perlantikannya, ini bagaimanapun dinafikan oleh defendan-defendan. Dan penyiaran gambar-gambar plaintif tidak memberikan apa-apa motif tersendiri.

[37] Mengenai sumber maklumat pula, tidak ada cabaran bahawa ia dikeluarkan oleh Dato' Maizan sendiri, keterangan SD1 jelas mengenai perkara ini, oleh itu hujah Encik Tan adalah tidak tepat dan tidak bermerit.

[38] Sama ada terdapat 'malice'? Encik Chan berhujah bahawa oleh sebab penyiaran berita itu bertujuan untuk kepentingan awam dan demi itu berita itu disiarkan; tiada apa-apa alasan untuk melaporkan dan menyiarkan berita tersebut terhadap plaintif dengan berniat jahat; plaintif juga tidak memberi keterangan bahawa laporan itu disiarkan dengan berniat jahat terhadapnya. Satu inferensi tidak boleh dibuat terhadap defendan, mengenai niat jahat atau 'malice'. Maka menurut Encik Tan plaintif gagal membuktikan apa-apa 'malice' di pihak defendan-defendan dalam penyiaran berita tersebut.

[39] Oleh itu beliau berhujah bahawa defendan telah berjaya menimbulkan pembelaan 'qualified privilege' dan 'impungned articles' itu adalah 'immune' kepada tindakan fitnah.

PENEMUAN MAHKAMAH

[40] Setelah meneliti keseluruhan keterangan saksi-saksi dan juga hujah peguam cara bagi kedua-dua pihak saya percaya hanya dua isu yang perlu diputuskan di dalam tuntutan plaintif ini bagi kedua-dua kes itu:

(a) Sama ada timbul elemen memfitnah di dalam artikel yang disiarkan oleh kedua-dua akhbar tersebut.

(b) Sama ada defendan berjaya menimbulkan pembelaan 'qualified privilege' seperti kehendak undang-undang.

[41] Mengenai isu pertama; daripada pemerhatian saya laporan yang diterbitkan melalui dua akhbar tersebut berasaskan kepada sumber yang diperolehi daripada Dato' Maizan bin Shaari, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Bukit Aman, Kuala Lumpur, ini tidak dipertikaikan. Bagaimanapun peguam cara plaintif berhujah bahawa sumber berita itu hendaklah dianggap diperolehi daripada ahli-ahli lembaga pengarah yang tidak berpuas hati adalah tidak boleh diterima.

[42] Saya berpendapat apa yang perlu dilihat di sini ialah konteks laporan itu, yang hendaklah dibaca secara menyeluruh dan diberikan pentafsiran maknanya secara biasa (ordinary meaning) dan tidak perlu ia ditafsirkan secara teliti, tambahan pula untuk mentafsirkan secara 'inference'. Saya merujuk kepada kes *Skuse v Granada Television Limited* [1996] EMLR 278:

> The court should give the material complained of the nature and ordinary meaning which it would have conveyed to the ordinary reasonable viewer watching the programme once in 1985.

[43] Oleh itu andaian yang dihujah oleh peguam cara plaintif bahawa pembaca akhbar akan berpendapat bahawa plaintif adalah bersalah di dalam memalsukan atau menjadi satu pihak di dalam memalsukan surat perlantikan itu adalah jauh daripada kenyataan dan terkeluar daripada konteks sebenarnya daripada apa yang dilaporkan di dalam berita tersebut. Sekali lagi saya merujuk kepada kes *Skuse* di atas yang telah dirujuk oleh kedua-dua peguam cara (rujuk perenggan 42 di atas).

[44] Saya bersetuju dengan hujah Encik Chan di atas bahawa pembaca akhbar tersebut tidak akan membuat keputusan bahawa plaintif telah didapati bersalah apabila hanya dipanggil untuk membuat siasatan dan merakamkan percakapannya sahaja.

[45] Memandangkan bahawa sumber itu diperolehi daripada Dato' Maizan, orang yang berkuasa dan berhak untuk mengeluarkan kenyataan berkaitan dengan siasatan ini, maka bukanlah tugas defendan-defendan, khususnya defendan ketiga untuk menghubungi plaintif bagi mendapatkan komen beliau berkaitan dengan kebenaran berita itu; ini jelas memenuhi kehendak s 5, Bahagian Kedua, Jadual kepada Akta Fitnah 1957 yang berbunyi:

> A copy of a fair and accurate report or summary of any notice oar other matter issued for the information of the public by or on behalf of any Government in Malaysia or by any public officer or local authority.

[46] Sepertimana yang diperuntukkan oleh *common law*, di mana defendan berhak untuk dilindungi oleh pembelaan 'qualified privilege', adalah menjadi pegangan oleh defendan-defendan di dalam kes ini bahawa mereka adalah dilindungi oleh pembelaan 'qualified privilege'.

[47] Sepertimana dijelaskan di perenggan di atas pemakaian pembelaan 'qualified privilege' adalah tidak terhad dan tujuan pemakaiannya pula adalah untuk melindungi pemberita-pemberita dan akhbar-akhbar di dalam membuat laporan mereka secara bona fide, kecualilah jika plaintif dapat membuktikan terdapatnya elemen-elemen 'malice' oleh pihak defendan-defendan di dalam menerbit dan menyiarkan berita tersebut terhadapnya.

[48] Encik Tan sepertimana dinyatakan di atas telah menghujahkan bahawa laporan itu perlu disiarkan oleh sebab ia adalah menjadi satu

kepentingan awam untuk mengetahuinya (perenggan 38) saya berpendapat memandangkan bahawa Magnum Corporation Bhd sebuah syarikat tersenarai di BSKL (pada masa itu) sememangnya mempunyai ramai pemegang-pemegang saham, oleh itu mereka sudah tentu mengikuti perkembangan syarikat ini dengan teliti, ini memandangkan mereka mempunyai kepentingan di dalamnya yang harus dijaga dan dilindungi.

[49] Daripada keterangan-keterangan plaintif, saya tidak mendapati apa-apa keterangan pun bagi menunjukkan bahawa defendan-defendan secara 'malice' telah menyiarkan laporan itu di dalam akhbar-akhbar mereka, saya juga berpendapat, tiada sebab bagi defendan-defendan untuk mempunyai sifat 'malice' terhadap plaintif walaupun beliau merupakan seorang kenamaan dan ahli korporat terkenal di negara ini.

[50] Saya bersetuju dengan hujah peguam cara defendan bahawa tujuan pengedaran, penyiaran dan penerbitan berita itu adalah bagi menunjukkan bahawa di negara ini tiada sesiapa yang bebas daripada undang-undang sedia ada, maka ia penting dilaporkan jauh sekali bertujuan untuk mendapatkan sensasi terbit daripada penyiaran berita tersebut, lagi pun saya berpuas hati bahawa laporan itu merupakan laporan kepada perkara yang benar-benar terjadi di mana siasatan polis telah pun mengambil tempat, siasatan sahaja tidak bermakna plaintif dimaksudkan bersalah, ini jelas kerana selepas itu tiada pertuduhan dibuat terhadap plaintif di mana-mana mahkamah.

[51] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas saya berpuas hati bahawa 'impugned article' yang disiarkan di dalam kedua-dua akhbar itu adalah kebal (immune) daripada apa-apa tindakan undang-undang dan defendan-defendan telah berjaya membuktikan pembelaan 'qualified privilege' mereka terhadap tuntutan plaintif.

GUAMAN SIVIL NO 22–230 TAHUN 2002

[52] Saya berpendapat bahawa defendan-defendan telah pun mengambil satu tugas berhati-hati yang munasabah di dalam mencetak dan mengeluarkan artikel tersebut yang mana telah disahkan oleh Ketua Bahagian Jenayah Perdagangan sebelum ianya disiarkan.

[53] Di dalam konteks ini, adalah perlu bagi saya untuk merujuk kepada penghakiman oleh Lord Hirst, yang dibuatnya di dalam kes *Loveless v Earl* [1999] EMLR 530, yang dirujuk oleh peguam cara defendan-defendan:

> Meaning is an objective test, entirely independent of the defendant's state of mind or intention, malice is subjective test, entirely dependent on the defendants state of mind and intention, thus, in a case where the words are ultimately held

objectively to bear meaning 'A', if the defendant subjectively intended not meaning 'A' but 'B', and honestly believed meaning 'B' to be true, then the plaintiff's case on malice would be likely to fail.

[54] Oleh itu tuntutan plaintif terhadap defendan ditolak dengan kos.

[55] Berasaskan kepada dokumen-dokumen yang difailkan dan kes-kes rujukan yang dibuat oleh peguam cara defendan dalam menyediakan kes ini saya memutuskan kos untuk 'getting up' sebanyak RM18,000 kena dibayar oleh plaintif kepada peguam cara defendan-defendan untuk kedua-dua tindakan ini.

Tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum